

**Bekalan Elektrik Di Kawasan Terjejas Banjir Dipulihkan Segera - TPM
Bernama
Dec 31, 2014**

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Bekalan elektrik yang terputus di kawasan terjejas banjir akan dipulihkan segera setelah banjir surut, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dalam perbincangan beliau bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini, Muhyiddin berkata TNB bersetuju mencari jalan supaya bekalan elektrik yang terputus akibat banjir yang melanda Pantai Timur dan negeri lain dipulihkan segera.

Katanya bekalan elektrik dan sumber air bersih menjadi sumber utama yang diperlukan mangsa banjir yang telahpun pulang ke rumah masing-masing,

"Di Kelantan contohnya, banyak kawasan terjejas. Rumah tenggelam maka kita harap bekalan elektrik ini akan kembali pulih seperti sediakala dalam tempoh beberapa hari," katanya pada sidang media selepas sesi taklimat bersama TNB di sini.

Beliau berkata kerajaan tidak menjangkakan bencana banjir sehebat ini akan melanda negeri-negeri terbabit sehingga menyebabkan kerosakan harta benda termasuk pencawang elektrik TNB.

"Maka kawasan-kawasan yang tenggelam termasuk pusat pemindahan terputus bekalan elektrik. Kita akan cuba kurangkan bebanan tiada bekalan elektrik dan pengalaman ini kita akan gunakan di masa hadapan," katanya.

Muhyiddin berkata beliau difahamkan sehingga esok sebanyak 60 peratus kawasan terjejas banjir di Kelantan akan mendapat bekalan elektrik semula manakala 90 peratus kawasan pula di Terengganu.

Bagaimanapun, katanya, bekalan bagi negeri Pahang berkemungkinan mengambil masa sedikit berikutan air masih naik di negeri itu.

"TNB telah beri jaminan apabila keadaan sudah elok, kita harus bantu pulih segera kehidupan penduduk terjejas dengan membekalkan semula tenaga elektrik dan bekalan air bersih," katanya.

Selain itu, timbalan perdana menteri berkata mengambil iktibar, TNB selepas ini akan bersiap sedia di peringkat awal apabila banjir melanda dengan membekalkan set generator yang mencukupi di pusat pemindahan banjir bagi mengelakkan masalah logistik.

Selain itu, katanya, bekalan makanan dan keperluan asas juga perlu disediakan awal sebelum banjir melanda.

"Banjir luar biasa kali ini perlu dijadikan pengajaran dan saya harap kita dapat buat

persiapan rapi. Perlu kaji menerusi 'post-mortem'. Ini bertujuan untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda," kata timbalan perdana menteri.

Mengenai kerjasama bagi membaik pulih segala kerosakan di Kelantan, Muhyiddin memberi jaminan kerajaan pusat sedia bekerjasama membantu tanpa mengira fahaman politik.

"Kes Kelantan kita tahu negeri tidak ada kemampuan, bukan pasal politik tetapi negeri tidak mempunyai sumber kewangan. Soal utama sekarang, nasib rakyat Kelantan mesti terbela.

"Kerajaan pusat sendiri akan ambil inisiatif untuk membantu meringankan beban mereka termasuk untuk membina semula rumah sementara, membina rumah kekal dan disusuli bantuan-bantuan kebajikan dan lain-lain," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097277>